

# Hak istimewa: Orang Melayu perlu mengubah sikap



TENGGU RAZALEIGH

BACUK, Sabtu - Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah, hari ini mengingatkan orang-orang Melayu bahawa zaman mereka menerima berbagai-bagai keistimewaan dari kerajaan dan menyerahkannya pula kepada orang lain untuk mendapat keuntungan dengan mudah telah lama berakhir.

Katanya, sudah sampai masanya bagi orang-

orang Melayu mengubah sikap kerana kerajaan hari ini tidak lagi akan mengeluarkan lesen dan permit kepada golongan seperti ini yang semata-mata mengharapkan bantuan kerajaan untuk maju tanpa berusaha dengan sewajarnya.

Berucap merasmikan pelancaran kampung anak angkat anjuran persatuan pegawai tadbir negeri Kelantan, di Mukim Gajah Mati, Tawang, Bacuk, semalam, Menteri Kewangan itu menggesa golongan yang mengamalkan sikap begitu supaya mengubah sikap untuk kepentingan diri sendiri, bangsa dan negara.

Beliau memberi contoh bagaimana setengah balai raya, masjid dan sekolah yang berharga beratus ribu ringgit dibiarkan begitu sahaja akibat dari sikap tidak mahu berusaha oleh golongan hari ini.

"Sudah sampai masanya kita orang-orang Melayu mengubah sikap kerana kita juga tidak mahu dianggap bangsa yang malas, lemah dan dayus oleh orang lain di

negara kita sendiri," tegasnya.

Menteri Kewangan itu juga menegur sikap setengah rakyat yang mencari nafkah sekadar untuk menyara keluarga mereka semata-mata, tanpa menyedari apa yang akan terjadi kepada generasi akan datang.

"Akibatnya, kobis dan bawang yang boleh ditanam di negara sendiri pun terpaksa diimport," ujarnya.

Tengku Razaleigh juga mengingatkan, jika amalan ini tidak diperbetulkan, negara pasti akan dilanda inflasi yang berlarutan.

Sebelum itu, Yang Dipertua persatuan, Haji Hassan Haji Hussain berkata, persatuannya akan berusaha memastikan seluruh rakyat di negeri ini tetap teguh walaupun mempunyai fahaman politik yang berbeza.

Menurut beliau, persatuannya yakin projek anak angkat seperti ini akan menghasilkan semangat tolong menolong, gotong-royong serta kesedaran, terutamanya di kalangan masyarakat kampung.